

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## JUALAN RAHMAH HARI RAYA BERSAMA SABELLA

**SELANGOR, 25 MAC 2023 – Yang Berhormat Datuk Seri Salahuddin Ayub**, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup hari ini telah menyempurnakan **Majlis Pelancaran Jualan RAHMAH Bersama SABELLA** yang diadakan di **HQ SABELLA Holding Sdn Bhd, Batu Caves, Selangor**.

2. Pelaksanaan **Inisiatif Payung RAHMAH** oleh **SABELLA** ini meliputi aktiviti **Jualan RAHMAH** yang dijalankan bermula pada **25 Mac 2023 sehingga 20 April 2023**. **Jualan RAHMAH Bersama SABELLA** ini merangkumi pelbagai produk pakaian sedia ada untuk dipakai terus (*ready to wear*) seperti baju kurung, blaus, tudung dan banyak lagi yang masing-masing ditawarkan pada harga yang **lebih rendah sehingga 71% berbanding harga jualan murah sedia ada**.
  
3. Untuk pengetahuan, bagi **Jualan RAHMAH** ini, **SABELLA** akan mengeluarkan sejumlah **700,000 pasang produk pakaian** dengan harga **bermula serendah RM 8.00** dan ianya boleh didapati di **6 lokasi terpilih iaitu:**
  - I. Sabella HQ, Batu Caves, Selangor;
  - II. Dewan Kg Melayu Majidee, Johor Bharu, Johor;
  - III. Dewan Teratai, Shah Alam, Selangor;

- IV. Dewan Perhimpunan Melayu Kedah, Alor Setar, kedah (**13/4/2023-20/4/2023**);
  - V. Mydin Tunjong KB, Kota Bharu, Kelantan; dan
  - VI. Dewan TER,Kuala Terengganu, Terengganu.
4. **KPDN** melihat tambahan diskaun di bawah **Jualan RAHMAH** yang ditawarkan oleh **SABELLA** ini sebagai tawaran yang amat berbaloi, berpatutan dan mampu milik kepada seluruh rakyat Malaysia, seiring dengan kualiti material pada setiap produk. Seterusnya, **Jualan RAHMAH** ini juga dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan bagi persediaan menyambut bulan Syawal yang bakal tiba.
5. Selaras dgn hasrat kerajaan untuk mendaya upakan rakyat dalam menjana pendapatan bagi mengurangkan kos sara hidup yang makin meningkat, **SABELLA** turut memperkasa **250,000 orang ‘dropship’** yang majoritinya terdiri daripada **suri rumah golongan B40 di seluruh Malaysia**.
6. **KPDN** terus komited untuk memastikan seluruh warga **Malaysia MADANI** dilindungi dan tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup (*cost of living*) dalam situasi mencabar dan tidak menentu pada hari ini. Pada masa yang sama, **KPDN** sentiasa menyokong usaha yang dilaksanakan oleh warga industri sektor peruncitan di negara ini untuk menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja dengan memberi ganjaran tambahan atau nilai tambah kepada pengguna, khususnya menjelang musim perayaan yang bakal menjelang.
7. Di bawah **Inisiatif Payung RAHMAH** yang diterajui oleh **KPDN**, pengguna dijangka dapat berbelanja keperluan harian dengan harga yang

berpatutan, disamping berpeluang untuk mendapat ganjaran istimewa yang ditawarkan oleh peniaga. **Inisiatif Payung RAHMAH** adalah manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang Kerajaan kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama rakan-rakan strategik yang terlibat.

8. **KPDN** amat berharap agar usaha seperti ini mampu menarik perhatian rakyat Malaysia, khususnya pengguna untuk mendapatkan barang dengan harga yang murah dan berpatutan tetapi berkualiti seiring dengan jenama produk yang ditawarkan.

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB,  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,  
SELANGOR, 25 MAC 2023**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Perbadanan Harta Intelek Malaysia  
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION